

08/02/1997

Firma Malaysia pada kedudukan tinggi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sebuah firma rating antarabangsa menempatkan Malaysia pada kedudukan tinggi berasaskan kepada asas ekonomi Malaysia yang mantap dan pertumbuhannya yang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Firma Moody's yang berpangkalan di New York memberi rating 'A-1' kepada Malaysia berasaskan kepada beberapa pencapaiannya, terutama persekitaran politik stabil.

Rating itu mengambil kira kedudukan kredit sesebuah negara.

Dalam laporan tahunannya mengenai Malaysia yang dikeluarkan di sini, firma itu berkata kestabilan politik Malaysia dapat dilihat pada pilihan raya umum 1995 yang memberi kemenangan besar kepada kerajaan bercampur Barisan Nasional dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjaya meneruskan penggal lima tahun keempatnya.

Penganalisis Moody's berkata, perubahan struktur yang berlaku di negara ini perlu menempatkan ekonomi pada kedudukan yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, tetapi memberi amaran mengenai keadaan bekalan yang sempit seperti infrastruktur yang berlebihan dan kekurangan tenaga kerja.

(END)